

D776

U B928 DEB
MAHATHIR - CHENG KIAM

KUALA LUMPUR, 26 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU TIDAK BERCADANG UNTUK MENGGUGURKAN ENCIK NG CHENG KIAM SEBAGAI MENTERI KESIHATAN BUAT MASA INI.

KATANYA, ENCIK NG TELAH MENYATAKAN HASRAT BELIAU UNTUK MELETAKKAN JAWATAN SEMALAM TETAPI TIDAK MENYERAHKAN SEBARANG SURAT RASMI.

+SETAKAT INI SAYA TIDAK PERLU MEMBUAT KEPUTUSAN APA-APA KERANA DIA BELUM LAGI MELETAKKAN JAWATAN+, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN SIMPOSIUM USAHAWAN WANITA DI SINI.

ENCIK NG SEMALAM MENGUMUMKAN HASRAT BELIAU UNTUK MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI MENTERI KESIHATAN SELEPAS SEMINGGU MENGEMUKAKAN SURAT PERLETAKAN JAWATAN SETIAUSAHA AGUNG MCA KEPADA PRESIDEN PARTI DATUK SERI DR LING LIONG SIK.

MENURUT PERDANA MENTERI, BELIAU TELAH MENASIHATKAN ENCIK NG SUPAYA TIDAK MEMBUAT APA-APA PENGUMUMAN BUAT MASA INI DAN MENYERAHKAN SEGALANYA KEPADA BELIAU.

KATANYA, PERTIMBANGAN MENGENAI HASRAT ENCIK NG ITU SEKARANG +DALAM TANGAN SAYA DAN SETAKAT INI SAYA TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MENAMATKAN PERKHIDMATAN ENCIK NG SEBAGAI MENTERI ATAUPUN APA-APA+. -- LAGI.

1417MST 26 07 90

D777

U B930 DEB
MAHATHIR - CHENG KIAM 2 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA SAMA ADA KEPUTUSAN UNTUK MENGGUGURKAN ENCIK NG DARI KABINET AKAN DITANGGUHKAN HINGGA PILIHAN RAYA AKAN DATANG, DATUK SERI DR MAHATHIR HANYA BERKATA +TIDAK TAHU LAGI... MUNGKIN JUGA SEHINGGA SELEPAS PILIHAN RAYA, KITA TENGOK DULU.+

BELIAU BERKATA DATUK SERI DR LING SENDIRI TIADA MEMBINCANGKAN PERKARA PERLETAKAN JAWATAN ENCIK NG DENGAN BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENGULAS MENGENAI PENGESAN PILIHAN RAYA YANG MENURUTNYA TIDAK ADA MENGHANTAR SURAT RASMI MENYATAKAN PERSETUJUAN MEREKA DENGAN KEDATANGAN KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL BAGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

KATANYA, BELIAU SETAKAT INI HANYA MENEMUI SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LIM KIT SIANG MENGENAI PERKARA ITU DAN MENDAPATKAN PERSETUJUAN DAP ATAS JEMPUTAN KERAJAAN KEPADA KUMPULAN PEMERHATI BERKENAAN.

+KALAU MEREKA DAH SETUJU TAK APALAH+, TAMBAHNYA APABILA DIBERITAHU PEMBERITA BAHAWA BADAN ITU SUDAH MENGUMUMKAN PERSETUJUANNYA.

+SAYA MASIH DALAM PROSES MENEMUI PARTI-PARTI LAIN APABILA DUA WAKIL SEKRETARIAT KOMANWEL DATANG KE NEGARA INI MEMBUAT TINJAUAN+, KATANYA, MERUJUK KEPADA KERAGUAN YANG DISUARAKAN OLEH BELIAU DENGAN KEDATANGAN DUA PEMERHATI ITU BARU-BARU INI. -- BERNAMA.

1419MST 26 07 90